



## **INSTITUT KIMIA MALAYSIA CAWANGAN TERENGGANU**

d/a : Jabatan Kimia Malaysia Negeri Terengganu

Jalan Alif 1, Kg Melintang, Wakaf Beruas

Tel : 09-628 4009 Fax : 09-628 4365

Email : noordina@kimia.gov.my

### **IKM (CAWANGAN TERENGGANU)- KARNIVAL KIMIA MALAYSIA 2018**

Karnival Kimia Malaysia atau lebih dikenali dengan nama K2M di kalangan warga Institut Kimia Malaysia (IKM) adalah acara tahunan yang dijalankan di peringkat cawangan/negeri. Pada tahun ini acara K2M di IKM Cawangan Terengganu berlangsung di sebuah sekolah premier di daerah Kuala Berang iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Ampuan Intan atau juga dikenali sebagai Intan's Premier School.

Tujuan K2M diadakan adalah untuk mempromosi kimia kepada orang awam dan para pelajar dengan harapan dapat menarik minat mereka terhadap sains, teknologi dan inoasi terutamanya dalam bidang kimia.

K2M pada kali ini turut melibatkan 2 buah sekolah lagi iaitu Sekolah Menengah Agama Mahmudiah dan Sekolah Menengah Imtiaz YT Kuala Berang. Jumlah keseluruhan pelajar yang terlibat ialah 250 orang. Tema untuk K2M tahun ini adalah "Mystery of Chemistry". Kami juga menawarkan kempen yang dijalankan oleh MESTECC dengan mengagihkan foldable recycle bag dengan cetakan "Learn to live without single-use plastic", untuk meningkatkan kesedaran para hadirin dengan mengurangkan kegunaan plastik.

Acara perasmian K2M disempurnakan oleh Pengerusi IKM Cawangan Terengganu sendiri iaitu Puan Li Hui Ling dan turut dihadiri oleh Penolong Pengarah Pendaftaran Sekolah dan Lawatan Luar dari Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPNT) Tuan Ismadi bin Zakaria, Pegawai Pendidikan Daerah Hulu Terengganu Tuan Haji Jalaluddin bin Ismail, Pengarah Jabatan Kimia Malaysia Negeri Terengganu Tuan Mazlan bin Yusof dan Pengetua Sekolah Menengah Tengku Ampuan Intan, Tuan Haji Mohd Shariff bin Abdul Latif. Dalam acara perasmian ini IKM Cawangan Terengganu turut menyampaikan sumbangan khas kepada Persatuan Sains Sekolah sejumlah RM500.

Antara agensi lain yang turut menyertai K2M kali ini adalah dari Petronas Malaysia Sdn Bhd, Universiti Malaysia Terengganu ( Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran dan Pusat Pengajian Sains Asas), Universiti Sultan Zainal Abidin dan Jabatan Kimia Malaysia Negeri Terengganu. Karnival ini melibatkan acara '*educational talk*' dari pakar dan ahli kimia yang berdaftar di bawah Institut Kimia Malaysia, iaitu:

1. Dr Siti Sofo Ismail (UMT)

Forensic chemistry: the anatomy of crime

2. Dr Maisara Kadir(UMT)

Chemistry.....Mystery or reality?

3. Hj Raziyun Abdul Razak (Petronas)

Polimer dan Manusia

4. Pn Wan Rohaslina Wan Abdullah (JKM)

Peranan Ahli Kimia Jabatan Kimia Malaysial

Selain itu, pameran berkaitan kimia dan aktiviti interaktif serta kuiz yang berkait dengan kimia, seperti joy of Chemistry, Firesnake, Microplastics, Chemistry puzzle, Ceramic and Bouncy balls. Para pelajar dapat berinteraksi dan melakukan pelbagai aktiviti secara langsung dengan dipantau oleh fasilitator aktiviti masing-masing.

Disediakan oleh,

Noor Dina binti Ali

Setiausaha

Institut Kimia Malaysia

Cawangan Terengganu



VIP yang dijemput turut hadir dalam acara Opening Ceremony K2M





Pn Li menyampaikan cenderahati kepada Penolong Pengarah Pendaftaran Sekolah dan Lawatan Luar dari Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPNT) Tuan Ismadi bin Zakaria



Sesi bergambar dengan AJK IKM Caw Terengganu dan pelajar-pelajar.



Sesi bergambar dengan guru-guru pengiring



